



**PEPERIKSAAN AKHIR KOKURIKULUM  
KOR MEKANIK II (VB1020)  
SEMESTER DISEMBER SESI 1994/95**

1. Kenapa direka beberapa jenis bunga dengan pelbagai bentuk pada sesebuah tayar?  
/ [2 markah]
2. Apakah fungsi utama dan tambahan sesebuah tayar yang dipasang pada kenderaan?  
/ [4 markah]
3. Lakarkan dua (2) jenis kehausan tayar yang sering terjadi dan nyatakan sebab-sebabnya.  
/ [4 markah]
4. Lukiskan gambarajah putaran roda yang berjenis lapis balutan radial pada kenderaan yang menggunakan 5 roda.  
/ [2 markah]
5. Apakah tujuan penjajaran roda pada sesebuah kenderaan?  
/ [2 markah]
6. Apakah yang anda faham dengan 'toe-in' dan pada kenderaan yang menggunakan pacuan apakah ia disesuaikan?  
/ [4 markah]
7. Kamber ialah jumlah darjah kecondongan roda jika dipandang dari hadapan. Apakah tujuan diadakan sudut kamber pada sesebuah kenderaan?  
/ [2 markah]
8. Apakah yang dimaksudkan dengan sudut condong cemat besar dan nyatakan tujuannya.  
/ [4 markah]
9. Apakah fungsi penyerap hentak yang dipasang pada kenderaan dan nyatakan kebaikan penyerap hentak berisi gas.  
/ [4 markah]

10. Nyatakan dua (2) jenis kerangka pada kenderaan.  
[3 markah]
11. Mengapakah penyendal getah (rubber mounting) digunakan dalam penyanggaan enjin pada casis?  
[2 markah]
12. Apakah yang dimaksudkan dengan :  
a. Jarak roda kiri kanan  
b. Jarak roda hadapan belakang  
[4 markah]
13. Nyatakan fungsi brek tangan (hand brake).  
[2 markah]
14. Dengan bantuan lakaran, terangkan bagaimana membuat penjujukan brek (bleeding brake) pada sesebuah kenderaan yang menggunakan servo.  
[9 markah]
15. Terangkan fungsi selinder induk.  
[2 markah]
16. Kebanyakan kenderaan hari ini menggunakan servo pada sistem brek. Nyatakan fungsi dan kebaikan servo.  
[2 markah]
17. Terdapat dua (2) jenis angkup pada brek jenis cakera (disk). Nyatakan jenis-jenis tersebut.  
[2 markah]
18. Bilakah masanya perlu dibuat pelarasan brek pada sesebuah kenderaan?  
[2 markah]

19. Terdapat dua (2) jenis aci pendorong yang biasa dipasang pada kenderaan. Nyatakan jenis-jenis tersebut.  
[2 markah]

20. Pada kenderaan yang menggunakan pacuan roda belakang, apakah jenis gandar yang disesuaikan pada roda belakang?  
[2 markah]

21. Dalam sistem penghantaran terdapat dua (2) jenis kebezaan. Nyatakan jenis-jenis tersebut.  
[2 markah]

22. Apakah yang akan berlaku ke atas 'gear planet' semasa kenderaan membelok (dalam unit kebeza).  
[2 markah]

23. Terdapat dua (2) kaedah atau sistem pemasangan gantungan pada kenderaan. Nyatakan kedua-dua sistem tersebut.  
[2 markah]

24. Dalam sistem gantungan terdapat dua (2) jenis gandar :

- gandar jenis manakah yang dipasang pada kenderaan berat?
- apakah jenis pegas yang digunakan pada gandar tersebut?


[2 markah]

25. Namakan dua (2) jenis sistem gantungan hadapan.  
[2 markah]


26. Namakan lima (5) komponen utama perangkai stereng.  
[5 markah]

27. Stereng kekotak jenis bebola edaran semula disesuaikan pada kenderaan berat. Nyatakan kebaikan-kebaikannya.  
[2 markah]

28. Namakan empat (4) komponen rangkaian stereng kuasa.  
[4 markah]
29. Kenapakah stereng jenis 'rack and pinion' banyak digunakan pada kenderaan moden masakini? Nyatakan tiga (3) kebaikan tersebut.  
[3 markah]
30. Kebanyakan kotak gear menggunakan gear jenis helik. Apakah kebaikannya?  
[2 markah]
31. Nyatakan kebaikan selinder induk yang menggunakan dua (2) takungan bendalir berasingan.  
[2 markah]
32. Penyendal getah (rubber cup) dipasangkan pada ombok dalam sesebuah selinder induk. Nyatakan fungsinya.  
[2 markah]
33. Apakah yang anda faham dengan istilah kaster?  
[2 markah]
34. Nyatakan tujuan stereng kuasa dipasang pada kenderaan dan sebutkan jenis pam stereng.  
[3 markah]
35. Takrifkan 'toe out'  
[1 markah]
36. Namakan semua komponen yang terdapat di dalam Rajah 14.3, 15.12, 15.16 dan 16.1.  
[24 markah]




Rajah 14.13: Sistem gantungan topang MacPherson.




Rajah 15.12 Keratan renas sebuah kiac.

32



Rajah 15.16: Kedudukan aci pendorong.



Rajah 16.1: Sistem brek.